

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI SARAWAK  
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS  
(RMKe-12), 2021-2025**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH OLEH  
YB SENATOR DR. RADZI JIDIN  
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**27 JULAI 2019  
HOTEL HILTON, KUCHING  
SARAWAK**

**Yang Berhormat Datuk Haji Talib bin Zulpilip**

Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti & Ombudsman)  
Negeri Sarawak

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**Yang Berbahagia Datu Dr. Sabariah binti Putit**

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (Transformasi  
Prestasi dan Penyampaian Perkhidmatan)

Setiausaha-setiausaha Tetap Kerajaan Negeri Sarawak

**Yang Berusaha Tuan Norizan bin Jili**

Timbalan Ketua Setiausaha Persekutuan Negeri Sarawak

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT. Kami dari Sabah semalam. Baru selesai sesi libat urus di Negeri Sabah tengah hari semalam. Petangnya terus ke Sarawak. Dan hari ini, dapat bersama-sama dalam sesi libat urus di Negeri Sarawak.
2. Dan saya ingin menyampaikan salam daripada YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Azmin Ali kerana beliau tidak dapat bersama-sama dalam majlis dengan kita pada hari ini. Dan saya mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dari pihak Kerajaan Negeri Sarawak.
3. Dan ini adalah satu sesi yang baik untuk kita berkongsi tentang aspirasi Kerajaan Persekutuan dan juga aspirasi Kerajaan Negeri Sarawak, dan juga pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang turut sama pada sesi pada hari ini.
4. Dan kita bersama-sama di sini untuk memastikan Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dapat membangunkan Negeri Sarawak demi untuk rakyat Negeri Sarawak dan Malaysia pada secara keseluruhannya.

5. Jadi sedikit makluman Datuk. Sesi *engagement* ini adalah satu sesi yang kita adakan adalah untuk merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas. Kita mulakan sesi pertama dengan Negeri Melaka. Kemudian kita teruskan ke Negeri Johor. Kemudian dari Johor ke Perak. Dari Perak ke Sabah. Dari Sabah ke Sarawak. Seterusnya ke negeri-negeri lain dan perancangan kita semua sesi libat urus ini dapat diselesaikan pada akhir bulan Ogos. InsyaAllah.
6. Dan itu tentang sesi libat urus secara umumnya. Pada Perutusan Setahun Malaysia Baharu pada 9 Mei 2019, YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir ada menyebut tentang apa yang dipanggil dasar Kemakmuran Bersama (*Shared Prosperity*). YAB Perdana Menteri menyebut tentang *Shared Prosperity* ini buat pertama kalinya sewaktu menyampaikan ucapan semasa membentangkan *Mid-Term Review* atau Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas di Parlimen pada bulan Oktober 2018. Kemudiannya pada 9 Mei beliau memberikan perincian tentang konsep tersebut.
7. Saya ingin menyentuh sedikit Yang Berhormat, tentang *Shared Prosperity* ini. *The matlamat the ultimate aim of*

*Shared Prosperity* adalah *for everyone, for all Malaysians to have a decent standard of living by 2030*. Pada 2030 kita seluruh rakyat Malaysia mempunyai satu kehidupan yang wajar. Dan ini adalah selari dengan matlamat SDG (*Sustainable Development Goals*) dari UN *to make sure no one is left behind by 2030*. Jadi gagasan ini atau dasar ini tumpuan utama dan objektif utamanya adalah tiga.

8. Pertama sekali adalah merapatkan jurang ekonomi. Apabila kita bercakap tentang jurang ekonomi. Pertamanya merapatkan jurang ekonomi antara mereka yang berpendapatan rendah atau golongan yang miskin dan golongan yang kaya. Kenapa? Data-data menunjukkan jurang antara golongan yang miskin dan kaya semakin melebar. Dan jika dibiarkan jurang ini terus melebar ini akan memberi kesan yang tidak baik kepada perkembangan negara secara keseluruhannya. Jadi itu yang pertama, jurang pertama.
9. Yang kedua adalah untuk merapatkan jurang-jurang antara wilayah-wilayah. Dan jika kita lihat apa yang berlaku, seluruh negara. Tidak spesifik mana-mana. Seluruh negara. Setengah-setengah bandar atau setengah-setengah negeri

membangun pada kadar yang jauh lebih pesat pembangunannya. Jauh lebih baik infrastrukturnya. Jauh lebih baik dengan wilayah-wilayah yang lain.

10. Inilah antaranya data-data menunjukkan jurang-jurang antara wilayah ini semakin melebar. Maka Kerajaan berhasrat memberi penekanan pada usaha untuk merapatkan jurang-jurang yang ada antara wilayah yang terkedepan dan wilayah yang ketinggalan.
11. Dan usaha pertama yang telah dibuat oleh Kerajaan Baharu adalah dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, kita telah menamakan enam negeri di mana Kerajaan akan memberi tumpuan khusus terutamanya dalam sudut bajet pembangunan pada enam negeri. Enam negeri tersebut adalah Sabah, Sarawak, Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan. Jadi semalam saya telah ke Sabah dan hari ini ke Sarawak. Jadi ini sebahagian dari usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang antara wilayah.
12. Dan yang ketiganya apabila bercakap dalam usaha untuk merapatkan jurang ekonomi adalah jurang antara kaum. Sedar atau tidak, masih terdapat jurang yang jelas di antara

kaum yang mana di antara etnik yang mana perlu ditangani. Dan jika kita biarkan jurang ini terus melebar di mana ianya boleh membawa kesan yang tidak baik kepada pembangunan negara, boleh membawa kepada sosial, ekonomi dan sebagainya.

13. Dan itu merupakan objektif utama merapatkan jurang ekonomi. Yang kedua adalah pembangunan ekonomi. Apabila kita bercakap *Shared Prosperity* atau Kemakmuran Bersama untuk kita berkongsi kemakmuran tersebut ataupun berkongsi kekayaan tersebut. Maka ekonomi itu perlu terus berkembang. Apabila K-ekonomi berkembang, maka bahagian setiap pihak itu akan lebih besar.
14. Oleh yang demikian, objektif kedua adalah pada pertumbuhan ekonomi itu sendiri. Apabila kita bercakap tentang pertumbuhan ekonomi, Kerajaan melihat pada perlunya penstrukturan semula ekonomi negara. Saya selalu bagi contoh. Contoh ini saya bagi *very simple* contoh tapi *this is real scenario*.
15. Apabila kita bercakap satu *samplynya*, apabila kita bercakap tentang gaji pekerja. Saya balik dari Australia. *First round*

duduk Australia buat *degree* di sana. Sebelum *end up* 20 tahun di sana. Tahun *first* saya balik dari Australia akhir tahun 1999. Pasaran pekerjaan pada waktu itu, graduan pada waktu itu, pada tahun 1999. Pasaran gaji graduan antara RM1,500 hingga RM2,500. Tahun 1999. *20 years ahead*. Graduan keluar pun ada yang sanggup terima *less than* RM1,500, RM2,500 pada saya jarang pun.

16. Tapi apa yang saya hendak tekankan di sini bahawa secara strukturnya gaji *has been stagnant*. *After so many years, but at the same time inflation* kita meningkat. Jadi apabila kita bercakap tentang kos sara hidup ini, *it's not just about the cost. It's about the income*. Kita bercakap tentang tekanan kos sara hidup ini. Saya *background* dari *accounting* ini. Kita perlu lihat dari sudut *it's not just about the expense, but also the revenue*. Bila *expense* tinggi, *revenue* tinggi tidak terasa. Tapi bila *expense* tinggi dari *revenue* ini kekal sama, maka kekal negatiflah akaun tersebut. Itulah apa yang berlaku, apabila kita bercakap tentang struktur ekonomi.
17. Sebab itulah YAB Perdana Menteri cukup memberi penekanan kepada penstrukturan semula ekonomi supaya kita memberi tumpuan kepada *high value economy*.



Tumpuan kepada ekonomi bernilai tinggi. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti *downstream* yang bernilai tinggi.

18. Seterusnya objektif ketiga dasar Kemakmuran Bersama ini adalah untuk *nation building*. Membentuk sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah. Ini adalah antara matlamat ketiga yang penting di mana kita berhasrat supaya pada tahun 2030, Malaysia ini menjadi paksi kepada Asia. Sebab itu kita lihat perkembangan ekonomi pada hari ini, kebanyakan berkembang terutama dari segi *digitalization*. Data-data menunjukkan *digitalization* ini berlaku dengan cukup pesat di kawasan-kawasan Asia ini. Sebab itu kita lihat contohnya Alibaba, Grab, Go-Jek berlaku dengan pesat di sebelah sini.
  
19. Jadi kita antara negara yang berada kedudukan yang strategik dan dengan sumber-sumber yang pelbagai harus mengambil peluang ini. Dan hasrat kita pada 2030 kita ingin melihat Malaysia menjadi paksi kepada Asia. Jadi itulah sedikit sebanyak tentang Kemakmuran Bersama yang saya sebutkan tadi.

20. Dan kembali kepada RMKe-12 ini, tiga dimensi utama. Sekejap lagi Encik Surrendren akan memberi penjelasan tiga dimensi utama RMKe-12 ini. Yang pertama dari segi pemeraksanaan ekonomi, yang kedua dari segi kemampuan alam sekitar, *sustainability*, dan yang ketiga *social re-engineering*, dan kita akan terangkan dengan lebih lanjut.
21. Apa yang penting dalam usaha kita untuk menyiapkan RMKe-12 ini. Kita tidak bercakap semata-mata *top-down approach*. Bukan *level* kepimpinan terus menekan ke bawah, tidak. Kita ingin mengambil kira pendekatan *bottom-up approach as well*. Maksudnya pandangan daripada bawah, kita mengambil pendekatan, kita mengambil maklum balas, kita ambil pandangan daripada bawah. Kita turut sama sertakan pandangan ini apabila kita menganalisa dan membuat keputusan tentang RMKe-12 ini.
22. Ini termasuklah sesi-sesi libat urus, bukan sahaja dengan Kerajaan Negeri, tetapi dengan akademia, dengan pihak industri dengan NGO dan sebagainya. Untuk memastikan bahawa RMKe-12 ini adalah satu model yang komprehensif. Satu Rancangan Malaysia lima tahun daripada 2021 hingga

2025. Satu model, satu rancangan yang cukup komprehensif.
23. Dan pandangan Kerajaan Negeri adalah amat penting. Jadi saya amat gembira apabila kita lihat setiap sesi *engagement* kita, penglibatan pegawai dalam pelbagai peringkat ini cukup ramai. Dan saya ingin menyentuh sedikit tentang Sarawak. Sarawak pada *Rolling Plan* Keempat RMKe-11.
24. Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM4.3 bilion bajet pembangunan negara. Yang merupakan negeri ketiga terbesar menerima bajet pembangunan. Untuk 68 projek baharu dan 495 projek sambungan. Dari sudut ekonomi negara, kita lihat ekonomi seluruh dunia iaitu ekonomi global berada dalam sangat yang mencabar. Di mana Great Wall doktrin China dan US berterusan di mana ianya memberi kesan kepada seluruh dunia. Bukan sahaja kita, seluruh dunia. Dan kadar pertumbuhan 4.7% tahun lepas masih dalam lingkungan angka yang kita sasarkan antara 4.3% hingga 4.8%.
25. Dalam menangani isu-isu ekonomi ini juga Kerajaan telah menubuhkan *Economic Action Council* atau Majlis Tindakan

Ekonomi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, yang ditubuhkan pada bulan Februari tahun 2019. Jadi Majlis Tindakan Ekonomi ini adalah satu badan yang bersifat *action oriented*. Jika ada isu yang dihadapi oleh rakyat atau perniagaan, maka Majlis Tindakan Ekonomi akan melihat apakah tindakan yang sewajarnya.

26. Jadi, saya ingin menyentuh sedikit keputusan terkini Majlis Tindakan Ekonomi yang bermesyuarat tempoh hari, bahawa antara isu utama yang Kerajaan terima daripada sektor swasta adalah proses urusan mendapatkan permit pembinaan. Ini antara isu yang utama. *Company-company*, syarikat-syarikat bertemu Kerajaan menjelaskan bahawa secara umumnya untuk mendapatkan permit pembinaan ini (*construction permit*) ini mengambil masa 390 hari.
27. Dia kata dia boleh buat lagi cepat *construction* tersebut berbanding tempoh untuk mendapatkan permit. Oleh yang demikian, Majlis Tindakan Ekonomi telah mengambil keputusan supaya tempoh permit pembinaan dipendekkan daripada 390 hari kepada 90 hari. Ketua Setiausaha Negara telah mengambil pendekatan dan usaha memendekkan

masa bagi memastikan tempoh untuk mendapatkan permit ini dapat dipendekkan daripada 390 hari kepada 90 hari.

28. Oleh yang demikian, memandangkan ianya melibatkan bidang di bawah kuasa Kerajaan Negeri juga. Oleh itu, kita juga memohon jasa baik Kerajaan Negeri untuk turut sama membantu bagi memastikan hasrat kita memendekkan tempoh mendapatkan permit perniagaan dapat dilaksanakan. Bagi membantu kita merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi khususnya dari sudut pembinaan, dalam sektor pembinaan.
  
29. Dan sepertimana yang kita tahu, Sarawak menyumbang sebanyak 9.7% kepada KDNK nasional. Ini satu sumbangan yang cukup besar. Dan pendapatan per kapita Sarawak adalah RM49,327 pada tahun 2017. Kita masih belum mendapat data untuk tahun 2018. Kita akan dapat dalam bulan Oktober ini. Dan ini adalah lebih tinggi daripada pendapatan per kapita seluruh Malaysia sebanyak RM42,228. Ini adalah satu pencapaian yang baik untuk Negeri Sarawak. Walaupun ianya pendapatan per kapita, tidak menggambarkan secara spesifik tapi secara umumnya ianya lebih baik daripada pendapatan negara.

30. Dan apa yang ditekankan dalam sesi libat urus ini adalah yang pertamanya adalah kita sedar setiap negeri itu mempunyai keunikan. Mempunyai *inherent strength* yang tersendiri. Setiap negeri itu ada kekuatan sendiri. Dan sebab inilah yang kita bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mencari jalan bagaimana *we can mobilise the inherent strength* setiap negeri.
31. Untuk pastikan, kita dapat *optimise* kekuatan ini untuk memberi manfaat kepada negeri-negeri dan juga kepada negara. Pada masa yang sama, apabila kita bercakap tentang kekuatan negeri juga, setiap negeri itu ada isu-isu yang tersendiri. Jadi sebab itulah, di sini kita ada pegawai-pegawai dari Kementerian dalam sesi ini supaya kita dapat gambaran antara isu-isu yang dihadapi oleh negeri.
32. Dan sedikit tentang secara geografinya, kita tengok Sarawak ini berada pada kedudukan yang amat strategik kedudukannya. Kedudukannya berada di tengah-tengah antara Asia Tenggara, dengan kawasan yang cukup luas. Dan ini adalah satu kekuatan yang perlu digemblengkan sebaiknya untuk memastikan manfaat pembangunan ini dapat dirasakan oleh seluruh rakyat Sarawak. Dan kita sebagai

sebuah negara dapat membangun bersama dan mencapai kemakmuran yang saya sebut tadi, Kemakmuran Bersama.

33. Tentang projek infrastruktur juga, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM358.53 juta bagi tahun 2019 melalui RECODA untuk Negeri Sarawak. Ini adalah antara yang kedua terbesar untuk projek koridor. RECODA yang kedua terbesar adalah untuk Negeri Sarawak.
34. Selain daripada itu, projek-projek lain yang telah diberikan peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah Projek Bekalan Air Samalaju Fasa Dua, Projek Jalan Akses ke Empangan Trusan, Lawas, dan Projek Taman Perindustrian Samalaju. Jadi pada masa yang sama Kerajaan Persekutuan juga, kita mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri Sarawak, objektif Kerajaan Negeri Sarawak adalah untuk menjadi *high- income and developed state* pada tahun 2030. Agak selari, apa hasrat Kerajaan Negeri dengan hasrat Kerajaan Persekutuan adalah selari. Dan aspirasi ini perlu dikongsi bersama supaya kita dapat pastikan bahawa hasrat ini dapat dicapai.

35. Dan kita juga mengetahui bahawa Kerajaan Negeri Sarawak memberi tumpuan khusus kepada pembangunan ekonomi digital. Dan kita sedar bahawa, *this is the way forward. You like it or not*, kita tidak boleh ketinggalan kebelakang dari sudut ekonomi digital ini. Maka kita juga ambil maklum tentang usaha Kerajaan Sarawak membangunkan kawasan luar bandar melalui koridor-koridornya sendiri antaranya adalah Northern Region Development Agency (NRDA) memberi tumpuan kepada kawasan utara Sarawak, dan Upper Rajang Development Agency (URDA) dan Highland Development Agency (HDA) yang memberi tumpuan kepada kawasan tengah (pedalaman).
36. Sebab pihak kami di Kementerian kena faham betul-betul hasrat Kerajaan Negeri supaya kita boleh selarikan hasrat ini untuk memastikan kita mendapat hasil yang terbaik pada semua pihak. Jadi saya rasa itu sahaja sedikit gambaran ringkas tentang sesi libat urus ini. Dan apa yang kita kena pastikan bahawa dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas ini bukan milik kami, bukan sahaja milik Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, tetapi milik semua rakyat Malaysia, milik rakyat Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak, seluruh rakyat Malaysia dalam usaha dalam memastikan



kita berjaya membawa Malaysia menjadi sebuah negara yang lebih cemerlang.

Sekian, Assalamualaikum WBT.